

29 AUG 1997

Mahathir-UMNO

DR MAHATHIR MINTA ANGGOTA DAN PEMIMPIN UMNO KELANTAN UTAMAKAN PARTI

PASIR PUTEH, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota dan pemimpin UMNO Kelantan memberikan keutamaan kepada perjuangan parti.

Katanya pemimpin yang mempunyai kepentingan diri akan menjadi masalah kepada parti.

"Sebenarnya bukanlah parti lawan itu kuat, tetapi kerana masalah dalaman parti, seperti tidak setuju dengan calon yang dipilih oleh parti atau sengketa sesama pemimpin membuatkan sesebuah parti itu lemah," katanya kepada pemberita selepas menutup Konvensyen UMNO/Barisan Nasional dan Perhimpunan Rakyat di Padang Sekolah Menengah Cherang Ruku di Semerak, dekat sini petang ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan perpaduan anggota dan pemimpin UMNO Kelantan sehingga UMNO Kelantan berjaya menawan kubu kuat Pas pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Semerak pada 11 Ogos lepas.

Dr Mahathir berkata anggota dan pemimpin perlu mengutamakan perpaduan kerana ia boleh membantu kemenangan parti.

"Kita dapat lihat apabila ada perpaduan, seperti dalam pilihan raya kecil di Semerak ini, kita dapat kemenangan," katanya.

Beliau berharap kemenangan Barisan Nasional di Semerak itu dapat dikembangkan ke kawasan-kawasan lain di Kelantan.

Ketika ditanya mengenai Deklarasi Semerak, yang menggariskan iltizam Barisan Nasional Kelantan untuk menawan semula Kelantan daripada Pas, Dr Mahathir berkata deklarasi itu cuba mengubah keadaan, pemikiran dan pendekatan ke arah kejayaan. -- BERNAMA

B RI